



**KENYATAAN SEBUT HARGA PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA (CMI)  
26 JUN 2024 (RABU)**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KERJA-KERJA LAB SAMPLING DI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) MELIPUTI BUKIT SENGGEH DAN BUKIT SEDANAN, DAERAH JASIN, MELAKA BAGI TEMPOH LIMA (5) BULAN (OGOS - DISEMBER 2024)**

**1. KENYATAAN AM / TAWARAN**

- 1.1 Sebutharga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mempunyai Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang **222705 – Ujian Makmal** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut:-

TAJUK	KATEGORI/ SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, MASA DAN TEMPAT SEBUT HARGA DI TUTUP
<p><b>PERKHIDMATAN KERJA- KERJA LAB SAMPLING DI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) MELIPUTI BUKIT SENGGEH DAN BUKIT SEDANAN, DAERAH JASIN, MELAKA BAGI TEMPOH LIMA (5) BULAN IAITU BULAN OGOS - DISEMBER 2024.</b></p> <p>No. Ruj. : JKMM.CMI.(S).350/362 Klt. 11</p>	<p>Masih sah laku berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia</p> <p><b>DI BAWAH KOD BIDANG :</b></p> <p><b>222705 -UJIAN MAKMAL</b></p> <p>Syarikat juga <b>WAJIB</b> mempunyai Sijil Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) daripada Jabatan Standard Malaysia</p>	<p><b>RM 20.00</b></p>	<p><b>Kaunter Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kompleks CMI (Dahulunya Dikenali Sebagai Rumah Media Melaka), Jalan Lingkaran MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.</b></p> <p><b>Mulai : 28 Jun 2024 (Jumaat) hingga 4 Julai 2024 (Khamis)</b></p>	<p><b>4 Julai 2024 (Khamis) sebelum jam 12.00 tengah hari.</b></p> <p><b>Kaunter Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kompleks CMI (Dahulunya Dikenali Sebagai Rumah Media Melaka), Jalan Lingkaran MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.</b></p> <p><b>Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dilayan</b></p>

Penyebut harga adalah dipelawa di kalangan **syarikat yang beralamat di Melaka dan juga di luar Melaka** serta mempunyai pengkhususan seperti di atas sahaja.

**SESI TAKLIMAT :**

**Sesi Taklimat adalah DIWAJIBKAN** kepada syarikat yang ingin menyertai sebut harga ini dan perlu hadir **ke pejabat Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kompleks CMI, Jalan Lingkaran MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka** pada **28 Jun 2024 (Jumaat), jam 10.30 pagi.**

- 1.2 Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di **Pejabat Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kompleks CMI (Dahulunya Dikenali Sebagai Rumah Media Melaka), Jalan Lingkaran MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka** dengan mengemukakan sijil asal dan salinan bermula pada **28 Jun 2024 (Jumaat) dari jam 8.30 pagi – 4.30 petang** sahaja. Surat kebenaran syarikat perlu disediakan sekiranya wakil yang hadir membuat pembelian dokumen.
- 1.3 Sebut Harga yang lewat diterima **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. CMI tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang dihantar.
- 1.4 Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat serahan tangan ke **Pejabat Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Kompleks CMI (Dahulunya Dikenali Sebagai Rumah Media Melaka), Jalan Lingkaran MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka** pada atau sebelum **4 Julai 2024 (Khamis) jam 12.00 tengahari**.
- 1.5 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan bekalan/perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.6 Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.7 Asas-asas penilaian terhadap tawaran sebut harga termasuklah perkara-perkara berikut :-
- a) Memenuhi kesemua syarat dan skop kerja / spesifikasi yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga;
  - b) Keupayaan / kemampuan penyebut harga seperti pengalaman kerja yang lepas, prestasi kerja / kontrak semasa, projek yang sedang dilaksanakan / dalam tangan;
  - c) Kemampuan kewangan penyebut harga;
- 1.8 Pihak CMI berhak menamatkan perkhidmatan/bekalan yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :-
- a) Tidak mematuhi skop kerja;
  - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui; dan
  - c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.9 Penjelasan Lanjut:
- Pihak syarikat boleh menghubungi Pegawai berkaitan untuk penjelasan lanjut iaitu kepada;
- i. **Pn. Saliza bt Salleh** - **Skop dan spesifikasi kerja**  
**No. Tel : 06-2346623**
  - ii. **En. Nazry bin Mohd** - **Dokumen Sebut Harga**  
**No. Tel : 06-2346620**